

# 4 pelajar UPM di Olimpik London

Oleh Khairul Anuar  
Muhamad Noh dan  
Rosniza Mohd Taha  
[bhvarsiti@bharian.com.my](mailto:bhvarsiti@bharian.com.my)

Seramai empat pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) terpilih mewakili negara ke Sukan Olimpik 2012 di London yang kini berlangsung iaitu Cheng Chu

Sian bagi sukan memanah, Leong Mun Yee dan Cheong Jun Hoong (acara terjun) serta Yu Peang Kean dalam acara lawan pedang.

Peang Kean ialah pelajar Fakulti Pengajian Pendidikan sementara tiga lagi atlet UPM terpilih ialah pelajar Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi.

Daripada 28 atlet yang mewakili Malaysia ke Sukan Olimpik London, lapan pelajar daripada institusi



**Yu Peng Keang** ketika lawan pedang di Exel London.

pengajian tinggi dan atlet UPM paling ramai mewakili negara dalam temasya sukan berprestij itu.

Naib Canselor UPM, Prof Datuk Ir Dr Radin Umar Radin Sohadi, berkata pihaknya berharap pelajar UPM dapat menyumbangkan pingat buat Malaysia

atau sekurang-kurangnya mencatatkan rekod baru untuk negara.

“Saya ucapkan selamat maju jaya kepada atlet UPM yang mewakili negara. Semoga mereka dapat melakarkan pencapaian berkualiti dalam acara yang ditanngi,” katanya.

## Beri saingan

Gandingan Mun Yee dan seorang lagi penerjun negara, Pandelela Rinong sekadar menamatkan saingan 10m platform seirama wanita di tempat ketujuh dengan catatan 308.52 mata menerusi lima terjunan.

Jun Hoong yang turut

## FAKTA NOMBOR

**28**  
atlet

Mewakili Malaysia  
ke Sukan Olimpik  
London

bergandingan dengan Pandalela menghuni tangga tercorot dan kelapan dalam acara 3 meter papan anjal seirama dengan catatan mata 283.50 menerusi lima terjunan.

Chu Sian pula terpaksa mengakhiri misinya di London dengan lebih awal apabila terkeluar pada peringkat penyingkiran.

Atlet tunggal lawan pedang negara, Peang Kean menceriakan suasana kontingen Malaysia di London pada pusingan pertama menentang peserta Mesir, Zeid Mannad dengan catatan mata 15-12, namun kecundang kepada pemain Hungary, Szilagyi Aron pada pusingan kedua dengan mata 15-1.